



SETIAUSAHA KERAJAAN
KEDAH DARUL AMAN

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

ARAS 2, BLOK 'A', WISMA DARUL AMAN
JALAN TUNKU BENDAHARA
05503 ALOR STAR, KEDAH DARUL AMAN



Telefon : 04 730 1212 / 04 730 8008 Faks : 04 731 0000 / 04 700 7083
E-mail : syedunan@kedah.gov.my HTTP : //www.kedah.gov.my

PSU(K)

24 Januari 2008

Seperti Senarai Edaran

Y.B. Dato' / Y.Bhg Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING : ARAHAN WAJIB PEMBAYARAN ZAKAT PENDAPATAN MENERUSI
POTONGAN GAJI BAGI KAKITANGAN KERAJAAN / BADAN BERKANUN / ANAK-
ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI YANG BERAGAMA ISLAM DAN
BERKHIDMAT DI NEGERI KEDAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman di dalam mesyuaratnya pada 28 November 2007, Kertas No. 6(F)465/2007 telah bersetuju seperti berikut:

"Majlis bersetuju menerima pakai pekeliling Arahan Wajib Pembayaran Zakat Pendapatan Menerusi Potongan Gaji Bagi Kakitangan Kerajaan / Badan Berkanun / Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang beragama Islam".

3. Sehubungan itu, pihak Y.Bhg Dato' diarah untuk memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada pihak Jabatan Zakat Negeri Kedah dalam hal-hal berikut:

- 3.1. Menghubungkan pihak Jabatan Zakat Negeri Kedah kepada bahagian yang menyediakan gaji kakitangannya dan memberi kebenaran untuk Jabatan Zakat Negeri Kedah membantu membuat taksiran kelayakan zakat kepada setiap individu kakitangan berdasarkan kepada penyata gaji yang terkini.
- 3.2. Mengumpulkan kakitangan untuk diberikan taklimat khas pelaksanaan.
- 3.3. Memastikan pelaksanaan potongan berjalan lancar setelah tempoh 14 hari diberikan kepada kakitangan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' WIRA HAJI SYED UNAN MASHRI BIN SYED ABDULLAH,
DGMK., DSDK., BMS., AMK., BCK.)

(DATO' BIJAYA INDERA)

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Zakat Kedah

"KEDAH SEJAHTERA"



**PEKELILING ARAHAN WAJIB POTONGAN GAJI ZAKAT
PENDAPATAN
BAGI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PENETAPAN PELAKSANAAN WAJIB PEMBAYARAN ZAKAT
PENDAPATAN MENERUSI POTONGAN GAJI BAGI KAKITANGAN
KERAJAAN/ BADAN BERKANUN/ ANAK-ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI YANG BERAGAMA ISLAM DAN BERKHIDMAT
DI NEGERI KEDAH.**

Dikelilingkan kepada:

Semua Muslim dan Muslimat Warga Kerja,

Kerajaan Persekutuan / Negeri / Badan- Badan Berkanun / Anak- Anak
Syarikat Kerajaan Negeri yang berkhidmat di negeri Kedah Darul Aman.

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan pembayaran Zakat Pendapatan menerusi potongan gaji bulanan (Skim Barakah).

2. PERLAKSANAAN

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah menimbang dan meluluskan ketetapan perlaksanaan arahan wajib pembayaran Zakat Pendapatan menerusi potongan gaji bagi kakitangan kerajaan / badan berkanun / anak syarikat kerajaan negeri seperti syor yang berikut:

- 2.1 Pendekatan pengiraan Zakat Pendapatan individu yang akan digunakan untuk Kakitangan adalah gaji kasar setahun (tertakluk melebihi paras nisab) x 2.5%.
- 2.2 Pelaksanaan pemotongan gaji secara **automatik** berdasarkan amaun yang ditaksirkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah kecuali sekiranya kakitangan memberikan maklum balas untuk tidak bersetuju dengan amaun yang ditaksirkan dan memilih kadar yang diguna pakai oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan pekeliling ini.
- 2.3 Pelaksanaan wajib potongan Zakat Pendapatan ini dikuatkuasakan kepada kakitangan kepada kerajaan sama ada Persekutuan / Negeri / Badan Berkanun / Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang beragama islam dan berkhidmat di Negeri Kedah Darul Aman.

3. TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Adalah menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam yang cukup syarat-syaratnya untuk menunaikan Zakat ke atas sumber penggajian / pendapatan yang merupakan salah satu sumber utama harta yang dimiliki.
- 3.2 Seruan kewajipan menunaikan Zakat Pendapatan yang merupakan cabang daripada harta adalah sepertimana yang terkandung di dalam Firman Allah SWT dalam Surah Al- Baqarah ayat 267:

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu...”

4. HIKMAH BERZAKAT

- 4.1 Zakat Pendapatan yang ditunaikan tidak akan mengurangkan harta yang dimiliki dan ini bertepatan dengan maksud Hadis Rasulullah S.A.W diriwayatkan oleh At- Tarmizi.

“Ada tiga perkara yang saya bersumpah benar-benar terjadi dan Akan saya ceritakan kepadamu maka ingatlah baik-baik iaitu Tidaklah akan berkurang harta disebabkan Zakat dan tidak teraniaya seorang hamba yang diterimanya dengan hati sabar kecuali Allah akan menambah kemuliaanya, serta tidak membuka seorang hamba pintu meminta kecuali akan dibukakan Allah baginya pintu kemiskinan”

- 4.2 Allah SWT pasti akan memberikan ganjaran kepada Zakat Pendapatan yang ditunaikan dengan penuh keikhlasan, maksud firman Allah S.W.T dalam Surah Al - Baqarah Ayat 261:

“Bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada Jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh Menerbitkan tujuh tangkai, tiap tangkai itu pula mengandungi Seratus biji dan Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa Yang dikehendaki-NYA dan Allah Maha luas rahmat kurnia- NYA, Lagi meliputi ilmu pengetahuan-NYA.”

5. FATWA ZAKAT PENDAPATAN

- 5.1 Berhubung dengan kewajipan menunaikan Zakat Pendapatan, fatwa yang berkaitan telah diwartakan pada 10 April 1986 di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Tahun 1962 Bilangan 9 tahun 1962 yang berbunyi:

“Jawatankuasa fatwa telah mengkaji mengenai pembayaran zakat ke atas pendapatan gaji dan lain-lain sumber pendapatan yang diterima yang ada kaitan dengannya dan bersetuju memberi pandangan bahawa wang gaji, elaun, hadiah dan lain-lain pendapatan yang diberi oleh seseorang dari semasa ke semasa hendaklah dengan bertaklidkan Mazhab Hanafi disatukan dengan wang yang terkumpul dan hendaklah dizakatkan ketika genap haul yang bermula dari sejak cukup nisab, ini bermakna apa-apa pendapatan yang diperolehi pada pertengahan haul, hendaklah dizakatkan sekali pun belum genap haul bagi tiap-tiap satu pendapatan itu’.

6. KAEDAH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

6.1 Di antara pendekatan pengiraan Zakat Pendapatan yang diamalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah terbahagi kepada dua kaedah iaitu:

6.1.1 Gaji kasar setahun (tertakluk melebihi paras nisab) x 2.5%

6.1.2 Gaji kasar setahun ditolak pelepasan iaitu untuk Diri (lelaki/wanita) = RM 9,000, Isteri (bagi lelaki) = RM 3,000, Anak-anak = RM 1,000/ seorang anak (tertakluk baki melepasi paras nisab) x 2.5%.

7. TAKSIRAN ZAKAT YANG WAJIB

7.1 Bagi melaksanakan pembayaran Zakat menerusi potongan gaji ini hanya satu kaedah akan digunakan sebagaimana para 6.1.1 dengan mengambil kira maklumat asas pendapatan bulanan.

(Sila lihat **Lampiran A (PW 01)** bagi mengetahui jumlah Zakat yang telah Ditaksirkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah)

7.2 Sungguhpun demikian tuan-tuan dan puan-puan boleh melengkapkan maklumat dengan menggunakan salah satu kaedah seperti di para 6.1.1 (sebagaimana Cadangan Taksiran Lembaga Zakat Negeri Kedah) atau 6.1.2 di atas dan diserahkan kembali maklum balas tersebut seperti **Lampiran B (PW 02)**.

8. BORANG MAKLUM BALAS (LAMPIRAN B) PERLU DISERAHKAN KEMBALI DALAM TEMPOH 14 HARI BEKERJA DARI TARIKH TERIMAAN SURAT PEKELILING

8.1 Sekiranya ada tuan-tuan dan puan-puan yang tidak bersetuju dengan kaedah kiraan Zakat asal oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah bolehlah mengemukakan surat maklum Balas tersebut kepada:

Dato' Wira Haji Syed Unan Mashri Bin Syed Abdullah
DGMK., DSDK., BMS., AMK., BCK., BPL.,
(DATO' Bijaya Indera)
Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Zakat Negeri Kedah,
Tingkat 10, Menara Zakat,
Jalan Telok Wanjah,
05200 Alor Star, Kedah Darul Aman.
(u/p : Dato' Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah)

9. REBAT CUKAI BULANAN

9.1 Bagi kakitangan yang tertakluk kepada potongan cukai bulanan (PCB), setiap nilai dari zakat yang dibayar akan mendapat pengurangan secara terus dan nilai PCB tersebut.

9.2 Sekiranya terdapat lebihan zakat maka lebihan tersebut boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada PCB bagi bula

berikutnya. Walaubagaimanapun, pelarasan sedemikian hanya dibenarkan pada tahun yang sama sahaja.

10. RUMUSAN

Komitmen dan kesedaran tuan / puan dalam menjayakan pelaksanaan ini pastinya akan memberi manfaat kepada asnaf penerima zakat khususnya para fakir miskin di negeri Kedah Darul Aman. Kakitangan Kerajaan Persekutuan / Negeri / Badan- Badan Berkanun / Anak- Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berkhidmat di negeri Kedah Darul Aman akan terus berkembang, dilindungi dan diberikan Allah SWT serta dijauhi dari bala bencana.

11. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada Tarikh ianya dikeluarkan. Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA’



Dato' Wira Haji Syed Unan Mashri Bin Syed Abdullah
DGMK., DSDK., BMS., AMK., BCK., BPL.,
(DATO' Bijaya Indera)
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
Merangkap
Pengerusi Lembaga Zakat Negeri Kedah.

RUJUKAN

1. Koleksi Fatwa Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Bahagian Dakwah dan Penyelidikan, LZNK.
2. Fatwa Sistem Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Selangor 2013.
3. Himpunan Risalah Zakat daripada Syeikh Mahmood Naim.
4. Fiqh zakat, Dr. Yusuf A-Qaradhawi.